

PROGRAM DIDIK CEMERLANG: MEMPERKASAKAN PELAJAR MELAYU NEGERI PERLIS

Hirwan Jasbir Bin Jaafar, Mahyun Bt. Ab Wahab, Raja Shah Erman Bin Raja Ariffin,
Mohd Hizazy Bin Yusof, Mohd Jabar Tariq Bin Alizul Pakar

Emel: hirwan@unimap.edu.my

Abstrak

Dewasa ini, pendidikan merupakan teras kepada kecemerlangan sesebuah umat dan bangsa. Dalam memartabatkan sesebuah bangsa, aspek ekonomi, pendidikan dan sosial haruslah selari dengan perkembangan dunia. Imam al-Ghazali pernah berkata kemuliaan seseorang manusia adalah kepada tingkatan ilmu yang dimiliki. Justeru ilmu memainkan peranan penting dalam membezakan taraf sesuatu bangsa. Justeru Program Didik Cemerlang telah dirangka bagi tujuan membantu dan membimbing pelajar-pelajar bagi tujuan menghadapi peperiksaan utama iaitu Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Program Didik Cemerlang ini akan berlangsung selama setahun bermula dari bulan Mac 2009 sehinggalah pelajar menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Program ini melibatkan seramai 267 orang yang terdiri daripada 165 orang pelajar yang akan mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan 102 orang pelajar yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Berdasarkan kajian yang dilakukan, penerusan kelas dan bimbingan setiap bulan memberikan impak besar terhadap keputusan pelajar-pelajar yang terlibat dalam program ini. Lebih dari 65 peratus pelajar mendapat keputusan A dalam ketiga-tiga mata pelajaran yang ditumpukan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Malah hampir 94 peratus pelajar yang menyertai program ini bersetuju dan menyokong agar program seperti ini diteruskan di masa hadapan. Justeru program seperti ini perlu dilaksanakan setiap tahun agar tahap pencapaian anak Melayu ditingkatkan agar mereka mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain.

Pengenalan

Dewasa ini, pendidikan merupakan teras kepada kecemerlangan sesebuah umat dan bangsa. Dalam memartabatkan sesebuah bangsa, aspek ekonomi, pendidikan dan sosial haruslah selari dengan perkembangan dunia. Justeru itu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu sebuah kementerian yang melatih dan melahirkan cendekiawan-cendekiawan terpanggil untuk memulakan asas kecemerlangan ini dari peringkat sekolah lagi. Program yang akan dimulakan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di negeri Perlis menggambarkan keprihatinan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam merancang perjalanan generasi muda. Program tersebut dikenali sebagai Program Pemerkasaan Pendidikan Pelajar Cemerlang Negeri Perlis. Program ini dirangka bagi tujuan mencapai objektif-objektif seperti berikut:-

- 1.1 Membantu pelajar-pelajar cemerlang dari peringkat awal sekolah menguasai pembelajaran subjek kritikal iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains;
- 1.2 Mendedahkan teknik-teknik pembelajaran terbaik kepada para pelajar;

- 1.3 Melantik mentor yang terdiri daripada mahasiswa IPTA untuk membantu dan memantau prestasi pelajar-pelajar di sekolah;
- 1.4 Merealisasikan konsep *1 Rumah 1 Profesional* di kalangan ahli keluarga di negeri Perlis.

Setelah perbincangan antara pihak KPT dan UniMAP, satu *Grand Design* telah dipersetujui dalam melaksanakan program ini. Pihak sekretariat akan mendapatkan senarai sekolah-sekolah menengah di negeri Perlis iaitu sebanyak 25 buah. Sebagai permulaan, setiap sekolah dikehendaki mencadangkan antara 7 - 20 orang pelajar mengikut nisbah bilangan pelajar dan perkembangan akademik mereka akan dipantau sehingga mereka menduduki peperiksaan PMR 2009 dan 10 orang dari pelajar dari setiap sekolah yang akan menduduki SPM 2009. Ringkasnya, satu kumpulan akan diwujudkan agar perkembangan akademik mereka dipantau sehingga mereka berjaya memasuki menara gading dan keluar dengan segulung ijazah. Kumpulan pelajar ini akan diberi keistimewaan dan kemudahan seperti pemilihan universiti, tajaan dan biasiswa, serta lain-lain yang boleh membantu mereka meneruskan pengajian.

Kajian Literatur

Kemajuan dunia bergerak terlalu pantas sehinggakan bangsa yang lambat bertindak akan ketinggalan. Negara-negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan tinggi mampu bersaing malah meletakkan diri mereka seiring dengan kemajuan semasa dunia. Hussein Ahmad (2001) menyatakan kekurangan ilmu pendidikan terhadap sesuatu bangsa, menyebabkan mereka mudah terdedah dengan masalah sosial. Habib Mat Som Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud dalam artikel tulisan mereka bertajuk *Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia* berpendapat fenomena yang berlaku ini telah mencetuskan perasaan kebimbangan terhadap generasi pelajar pada masa kini dan mendorong para perancang kurikulum di kebanyakan negara terpaksa menyemak semula keberkesanan kurikulum sekolah untuk menghadapi pelbagai perubahan akibat pengaruh globalisasi tersebut. Justeru satu tindakan proaktif bagi meningkatkan tahap pendidikan agar rakyat tidak ditelan arus pembangunan perlu dilaksanakan segera. Pada tahun 2002, kerajaan mengumumkan pengajaran subjek [Sains](#) dan [Matematik](#) diajar dalam [Bahasa Inggeris](#) bermula tahun 2003, untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan di dalam arus [globalisasi](#). Tindakan ini berteraskan tuntutan dunia pendidikan global yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai teras penghubung di antara satu sama lain. Malah bahasa pengantar utama dunia hari ini turut berteraskan bahasa Inggeris menjadikannya satu keperluan untuk diberikan penekanan. Pengenalan subjek [Matematik](#) dan [Sains](#) dalam bahasa Inggeris menyebabkan berlaku berbagai polemik sehinggakan menyebabkan yang menjadi mangsa adalah pelajar-pelajar anak bangsa kita. Satu tindakan di luar kotak arus diambil bukan mempertikaikan apa dasar yang dibuat tetapi berganding bahu merangka strategi bagi membantu pelajar menguasai subjek tersebut.

Modul Pengajaran Dan Pembelajaran

Guru memainkan peranan penting dalam memudahkan pembelajaran para pelajar. Suasana pembelajaran yang menarik perlu diwujudkan bagi memberikan keselesaan belajar kepada pelajar. Justeru itu guru perlu mencipta suasana yang menarik dan seterusnya merangsang minat pelajar untuk belajar. Membawa pelajar keluar dari kepompong sekolah merupakan satu kaedah yang baik bagi meluaskan pandangan dan mewujudkan suasana belajar yang menarik untuk diikuti oleh seseorang pelajar. Locke & Latham(1984)

menyatakan seseorang manusia itu mampu mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan oleh orang lain. Justeru pelajar perlu diberikan bantuan oleh guru bagi merangsang usaha untuk mencapai kejayaan.

Program Didik Cemerlang

Dalam melaksanakan Program Pemerkasaan Pendidikan Pelajar ini, satu modul aktiviti akan dibangunkan iaitu *Program Didik Cemerlang* untuk pelajar yang akan menduduki Peperiksaan Menengah Rendah 2009. Modul-modul ini akan dibangunkan oleh *Majlis Guru Cemerlang, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis* dan dibantu oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada Guru Bahasa dan Pensyarah dari UniMAP.

Semua modul ini dibangunkan mengikut kurikulum dan format peperiksaan serta ditambah dengan teknik menguasai subjek-subjek kritikal. Terdapat dua teori yang mampu membantu memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu teori motivasi dan teori kognitif (Slavin, 1990). Sebaik sahaja modul ini dibangunkan, modul ini akan diterapkan dahulu kepada semua *Sahabat IPT*. *Sahabat IPT* ini terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP yang terpilih berdasarkan pencapaian akademik mereka yang cemerlang. Mereka akan turut serta dalam melaksanakan modul-modul tersebut kepada pelajar-pelajar sekolah yang terpilih dan dibantu oleh Guru-Guru Cemerlang dan juga tenaga pengajar dari UniMAP. Guru-guru cemerlang akan terlibat secara langsung untuk menghasilkan modul pengajaran dan melaksanakan modul yang telah dirancang. Guru-guru cemerlang juga akan menyampaikan teknik pembelajaran terbaik supaya dapat diguna pakai sebagai teras kejayaan mereka dalam peperiksaan PMR dan SPM kelak. Guru-guru cemerlang juga bakal melatih dan memberi pendedahan yang betul kepada *Sahabat IPT* untuk program ini. Tenaga pengajar UniMAP akan memastikan kelancaran program tersebut dengan bertindak sebagai fasilitator, yang turut berperanan memantau *Sahabat IPT* dalam membimbing para peserta program. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran seseorang guru boleh mengubahsuaikan pelajaran mengikut tiga kaedah yang utama, menurut Johnson(1981):

- i) Pelajar belajar secara perseorangan atau pembelajaran individu untuk mencapai matlamat masing-masing pada kadar sendiri.
- ii) pelajar bekerjasama dalam kumpulan kecil secara pembelajaran koperatif

- (PK) dengan memastikan setiap ahli kumpulan mencapai matlamat yang ditetapkan.
- iii) pelajar-pelajar bersaing antara satu sama lain melalui pembelajaran persaingan untuk menempatkan kedudukan pelajar mengikut kebolehan masing-masing.

Tenaga pengajar UniMAP turut terlibat dalam penyediaan dan pengedaran modul-modul serta bahan-bahan pembelajaran yang lain. Manakala *Sahabat IPT* pula akan membimbing para peserta sepanjang program dijalankan dan turut bertindak sebagai pendorong perkembangan akademik para peserta selepas program ini berakhir pada setiap bulan. Program ini akan dijalankan dua kali sebulan bermula bulan Mac hingga Ogos. Jadual pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Kategori	Sesi
1	11/03/09	Semua Peserta	Taklimat
2	24/03/09	PMR	Ujian Khas
3	28/04/09	PMR	Kelas Bimbingan
4	30/06/09	PMR	Kelas Bimbingan
5	28/07/09	PMR	Kelas Bimbingan
6	28-30/09/09	PMR	Kem Score 'A'

Permasalahan Kajian

Isu kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik menjadi isu paling penting setiap kali menjelangnya peperiksaan utama di Malaysia seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Berbagai kejayaan dan kecemerlangan dapat kita lihat terukir ketika pelajar mengambil keputusan peperiksaan tersebut. Namun proses untuk mencipta kecemerlangan adalah satu proses yang bukan mudah. Komitmen dan kerjasama yang erat ditagih dari pihak-pihak seperti Ibu Bapa, Guru, Sekolah dan Kerajaan selain pelajar itu sendiri. Justeru satu gerak kerja perlu direncanakan bagi tujuan membantu pelajar-pelajar ini dalam proses mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi peperiksaan besar

tersebut. Malah peperiksaan seperti SPM dan STPM adalah peperiksaan penentu kepada masa depan seseorang pelajar. Kesilapan merencanakan persiapan bagi menghadapi kedua-dua peperiksaan ini bakal menjejaskan masa hadapan seseorang pelajar itu.

Sehubungan dengan itu, satu Program Pemerksaan Pendidikan Pelajar Cemerlang Negeri Perlis telah direncanakan. Program yang dirangka ini akan mengambil masa 3 tahun. Ianya merupakan projek perintis yang dianjurkan secara bersama di antara Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Malaysia Perlis dan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Projek ini melibatkan sejumlah peruntukkan yang besar bagi memastikan kelancarannya sepanjang tiga tahun tersebut. Justeru itu satu kajian perlu dilakukan bagi melihat keberkesanan program ini dalam mencapai objektif penganjurannya.

Objektif Kajian

- 4.1. Mengkaji keberkesanan program dalam membantu pelajar-pelajar cemerlang dari peringkat awal sekolah menguasai pembelajaran subjek kritikal iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains;
- 4.2. Mengkaji persepsi peserta terhadap kepentingan program ini.
- 4.3. Mengkaji persepsi pelajar terhadap kewajaran program ini diteruskan.
- 4.4. Mengkaji keberkesanan kemudahan-kemudahan yang disediakan sepanjang program dijalankan.
- 4.5. Mengkaji persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran guru sepanjang program ini dijalankan.

Kepentingan Kajian

Program ini merupakan projek perintis bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Sehubungan dengan itu juga projek ini merupakan projek yang pertama kali pernah dianjurkan di Malaysia. Justeru itu satu kajian diperlukan bagi melihat sejauh manakah program ini berjaya menjalankan tugasnya untuk menyiapkan pelajar secara komprehensif untuk menghadapi peperiksaan. Seandainya hasil kajian ini positif maka ianya berkemungkinan akan diadakan di seluruh negara. Di samping itu hasil kajian ini turut boleh digunakan oleh agensi-agensi lain yang ingin turut sama menyumbang kepada kecemerlangan akademik generasi negara untuk masa akan datang.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya dilakukan terhadap semua pelajar yang terlibat di dalam program ini sahaja dan ianya tidak mewakili keseluruhan pelajar di negeri Perlis. Jumlah pelajar yang terlibat dalam program ini adalah seramai 267 orang. Seramai 165 orang pelajar yang akan mengambil peperiksaan PMR tahun 2009 dan 102 orang pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM tahun 2009.

Metodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian deskriptif di mana setiap responden akan diberikan satu set soalan dan mereka dikehendaki memilih setiap jawapan yang dirasakan bertepatan dengan diri mereka. Kaedah kajian deskriptif dipilih berdasarkan Syed Arabi(1993) yang menyatakan bahawa kajian berbentuk deskriptif secara jelas dapat memberikan gambaran tentang keadaan semasa berkaitan dengan sesuatu kajian. Sebanyak 300 borang soal selidik diedarkan dan hanya 198 borang dikembalikan. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak bebas di mana ianya melibatkan semua pelajar yang terlibat dalam program ini. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Ujian Kebolehpercayaan soal selidik yang dibina telah dijalankan ke atas 20 orang responden sebelum kerja lapangan dimulakan. Menurut Sidek(2002) ujian kebolehpercayaan adalah untuk menguji konsistensi alat ukur yang digunakan sebagai instrumen kajian. Untuk menjadikan soalan kaji selidik boleh dipercayai, nilai 'cronbach alpha' mestilah mendapat 0.6 hinggalah 1.0 dan sekiranya nilai yang diperolehi di bawah nilai 0.6 maka soalan tersebut tidak boleh digunakan. Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package For The Social Science'. Nilai 'Cronbach alpha' yang diperolehi terhadap keseluruhan soalan adalah tinggi iaitu 0.6788. Justeru itu soalan yang digunakan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang munasabah.


Penemuan

Latar belakang Responden

Jantina

Hasil dari 198 borang soal selidik yang telah dianalisis, jumlah responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 58 orang iaitu 29.3% dari keseluruhan responden. Manakala responden perempuan pula seramai


140 orang mewakili 70.7 peratus. Berdasarkan jumlah ini didapati kebanyakan pelajar cemerlang adalah dari kumpulan pelajar perempuan.



Berdasarkan maklumat ini tidak hairanlah kenapa wanita lebih ramai di Institusi Pengajian Tinggi berbanding pelajar lelaki. Jumlah ini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan. Satu tindakan yang progresif perlu dilaksanakan bagi mengimbangi jumlah pelajar lelaki dan perempuan di Institusi Pengajian Tinggi. Ketidakeimbangan nisbah ini bakal mengundang masalah di masa hadapan terutama dalam menentukan kepimpinan negara di masa hadapan.

Tahap Peperiksaan


Kajian turut dijalankan terhadap jumlah pelajar mengikut peperiksaan yang bakal dihadapi. Dari 198 borang soal selidik yang dianalisis, terdapat 2 responden tidak menjawab soalan ini mewakili 1 peratus.



Manakala 60.1 peratus responden iaitu seramai 199 orang adalah pelajar-pelajar yang bakal mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah(PMR). Selebihnya iaitu 38.9 peratus iaitu 77 orang bakal berhadapan dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM). Perbezaan jumlah ini adalah disebabkan Program Pemerksaan Pendidikan Pelajar Cemerlang Negeri Perlis 2009 lebih memberikan penumpuan kepada pelajar-pelajar PMR berbanding pelajar SPM.

Kategori Sekolah

Program ini melibatkan 27 buah sekolah di seluruh negeri Perlis. Berdasarkan sekolah-sekolah yang terlibat dalam program ini, kajian ini dilakukan bagi melihat jumlah pelajar berdasarkan kategori-kategori sekolah tersebut. Sebanyak 198 borang soal selidik telah dianalisis dan didapati 4 responden tidak menjawab soalan ini yang mewakili 2 peratus keseluruhan responden.



Berdasarkan analisis yang dilakukan, responden yang belajar di sekolah luar bandar mewakili kumpulan majoriti iaitu seramai 103 orang sebanyak 52%. Seramai 59 orang pelajar iaitu 29.8 peratus pula ialah kumpulan responden yang belajar di sekolah dalam kawasan Bandar. Di samping itu seramai 24 responden pula bersekolah di Sekolah Berasrama Penuh dan seramai 8 responden mewakili 4 peratus pula bersekolah di sekolah teknik. Berdasar analisis ini, objektif utama penganjur yang ingin membantu pelajar luar Bandar telah tercapai berdasarkan separuh dari pelajar yang terlibat adalah dari sekolah kategori luar Bandar.

Keberkesanan Program


Program ini telah berlangsung bermula dari Bulan Mac sehinggalah Bulan Oktober tahun 2009. Sehubungan itu satu analisis dibuat bagi melihat sejauh manakah program ini berkesan dalam membantu peserta meningkatkan ilmu dalam persediaan menghadapi peperiksaan utama yang bakal menjelma. Beberapa soalan-soalan telah dibina bagi menilai pandangan peserta terhadap objektif program ini diadakan.

Objektif Pertama

Mengkaji keberkesanan program dalam membantu pelajar-pelajar cemerlang dari peringkat awal sekolah menguasai pembelajaran subjek kritikal iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains. Dalam menilai pencapaian objektif pertama kajian ini dilakukan, 2 soalan telah


dikemukakan kepada pelajar-pelajar yang menyertai program ini. Sebanyak 198 borang soal selidik telah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

Soalan : Program ini banyak membantu saya menguasai mata pelajaran yang diberikan.



Kajian ini turut melihat keberkesanan program ini dalam meningkatkan penguasaan mata pelajaran-mata pelajaran kritikal yang diajar sepanjang program ini berlangsung. Hasil analisis terhadap borang soal selidik didapati 94.4 peratus responden bersetuju bahawa program ini membantu meningkatkan penguasaan mereka dalam subjek-subjek kritikal yang diajar sepanjang program ini. Manakala 5.6 peratus memberikan jawapan tidak pasti. Tiada seorang responden sekalipun memilih untuk tidak bersetuju dengan soalan ini. Justeru dapatlah dikatakan di sini program ini berjaya membantu pelajar menguasai subjek-subjek kritikal yang diajar dalam program ini.

Soalan : Saya memahami segala mata pelajaran yang diajar




Berdasarkan analisis yang dilakukan didapati 75.8 peratus pelajar bersetuju bahawa mereka memahami subjek-subjek yang diajar dalam program ini. Hanya 3.5 peratus sahaja yang tidak bersetuju dan 20.7 peratus tidak pasti sama ada mereka faham atau tidak. Jumlah ini menunjukkan majoriti pelajar yang mengikuti program ini memahami subjek yang diajar sepanjang program ini diadakan.

Objektif Kedua


Mengkaji persepsi peserta terhadap kepentingan program ini. Dalam menjawab objektif kedua ini, 4 soalan telah dikemukakan. Soalan-soalan adalah seperti berikut:

Soalan : Saya berbangga kerana terpilih dalam program ini.




Berdasarkan jadual di atas 98.5 peratus responden yang terpilih dalam program ini berbangga dipilih oleh pihak sekolah untuk menyertai program ini. Walau bagaimanapun terdapat seorang pelajar yang tidak berbangga kerana dipilih dan dua orang lagi tidak pasti sama ada mereka berbangga atau tidak apabila terpilih dalam program ini. Kewujudan kumpulan pelajar ini berkemungkinan mereka sendiri tidak memiliki keyakinan terhadap diri dan kemampuan diri mereka. Namun jika dilihat dari sudut peratusan kumpulan ini tidak tinggi iaitu 1.5 peratus.

Soalan : Program ini telah menimbulkan kesedaran kepada saya betapa penting mencapai kecemerlangan.




Berdasarkan analisis yang dilakukan, 97 peratus iaitu seramai 192 responden bersetuju bahawa program ini berjaya memberikan kesedaran kepada mereka betapa pentingnya untuk mereka mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan kelak. Tiada seorang responden pun tidak bersetuju namun terdapat 3 peratus iaitu 6 orang yang tidak pasti sama ada program ini berjaya memberikan kesedaran kepada mereka atau tidak.

Soalan: Saya merasakan satu kerugian jika tidak hadir ke program ini.



Berdasarkan analisis yang diperoleh, 78.8 peratus iaitu 156 responden sahaja yang merasakan satu kerugian jika tidak hadir ke program ini. Manakala 13.6 peratus iaitu seramai 27 orang merasakan satu kerugian mengikuti program ini dan 15 orang iaitu 7.6 peratus tidak pasti. Secara keseluruhan dapatlah diandaikan hanya 21.2 peratus sahaja yang tidak suka mengikuti program ini.

Soalan : Saya dapat berinteraksi dengan rakan-rakan dari sekolah yang berlainan.




Berdasarkan carta pai di atas, 82.3 peratus pelajar melihat program ini adalah penghubung di antara mereka yang datang dari sekolah yang berlainan. Melalui program ini mereka dapat berinteraksi dengan ramai kawan di samping dapat bertukar-tukar pandangan. Hanya 4 peratus sahaja yang tidak bersetuju dan 13.6 peratus tidak pasti.

Objektif Ketiga


Mengkaji persepsi pelajar terhadap kewajaran program ini diteruskan. Objektif ketiga ini memberikan gambaran pandangan pelajar yang menyertai program ini tentang kewajaran ianya diteruskan. Bagi menjawab isu ini 3 soalan telah diajukan kepada peserta program. Soalan-soalan adalah seperti berikut:

Soalan : Program ini membazirkan wang kerajaan.




Seramai 180 orang mewakili 90.9 peratus menyatakan bahawa program ini bukan program yang sia-sia dan membazirkan wang kerajaan. Jumlah ini cukup meyakinkan bahawa program ini mendapat sokongan yang padu dari pelajar-pelajar. Hanya 6 orang iaitu 3 peratus sahaja yang merasakan program ini membazirkan wang kerajaan manakala 12 responden mewakili 6.1 peratus tidak pasti.

Soalan : Program ini perlu diteruskan



Berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh pelajar, majoriti keseluruhan pelajar iaitu 94.4 peratus bersetuju bahawa program seperti ini perlu diteruskan di masa akan datang. Ini menunjukkan mereka merasakan program ini penting dalam membantu mereka meningkatkan kecemerlangan dalam mata pelajaran yang diajar. Malah tiada langsung peserta yang tidak bersetuju. Hanya 5.6 peratus sahaja yang mengatakan tidak pasti sama ada program ini perlu diteruskan atau tidak.


Soalan: Saya suka menyertai program ini




Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pelajar, hampir keseluruhan iaitu 93.9 peratus suka menyertai program yang dianjurkan. Ini menunjukkan betapa perlunya program ini diteruskan kerana ianya tidak mendatangkan sebarang masalah kepada para pelajar yang menyertainya. Hanya 1 peratus iaitu 2 orang yang tidak suka hadir ke program ini manakala 10 orang mewakili 5.1 peratus tidak pasti sama ada mereka suka atau tidak hadir ke program ini. Namun secara keseluruhan semua pelajar menyukai program ini.

Objektif Keempat


Mengkaji keberkesanan kemudahan-kemudahan yang disediakan sepanjang program dijalankan. Bagi menilai persepsi peserta terhadap kemudahan yang disediakan 4 soalan telah diajukan bagi menilai kemudahan-kemudahan seperti berikut:

i. Kemudahan Dewan Kuliah


Seramai 172(86.9%) orang pelajar berpuas hati dengan kemudahan dewan kuliah yang telah disediakan. Hanya 8(4%) orang tidak berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Manakala 18(9.1%) orang tidak pasti.

ii. Kemudahan Alat Bantu Mengajar

Bagi kemudahan alat bantu mengajar yang disediakan pula, 90.9 peratus pelajar berpuas hati. Hanya 1 peratus pelajar yang tidak berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Manakala 8.1 peratus pelajar tidak pasti.

iii. Makanan Yang Disediakan

Sepanjang program pelajar akan disediakan 3 kali makan iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan minum petang. Seramai 167(84.3%) pelajar berpuas hati dengan makanan yang disediakan. Hanya 10(5.1%) pelajar tidak berpuas hati dengan makanan yang disediakan. Manakala 21(10.6%) tidak pasti.

iv. Pihak Urus setia

Sepanjang program ini berlangsung, pihak sekretariat telah menyediakan barisan urus setia yang akan menjaga kebajikan dan mengawal disiplin setiap kelas yang diadakan. Kajian turut dijalankan bagi melihat sejauh manakah urus setia ini berjaya melaksanakan tugas mereka. Majoriti pelajar iaitu 96 peratus berpuas hati dengan tugas yang telah dijalankan oleh barisan urus setia. Hanya 2 peratus sahaja yang tidak berpuas hati dan tidak pasti. Maka secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa barisan urus setia telah berjaya melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.


Keberkesanan Pengajaran Guru

Kajian ini dilakukan bagi melihat 2 aspek utama keberkesanan pengajaran guru sepanjang program ini. Aspek pertama ialah keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan dan aspek kedua dinilai ialah keberkesanan penyampaian guru-guru di dalam kelas.

Penilaian Menengah Rendah (PMR)


Seramai 165 pelajar PMR terlibat dalam program ini. Bagi program pelajar yang akan mengambil peperiksaan PMR, 3 mata pelajaran menjadi tumpuan program ini iaitu mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan berdasarkan persepsi pelajar yang menyertai program ini:

Mata pelajaran Bahasa Inggeris



Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, carta bar di atas menunjukkan, majoriti pelajar berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang digunakan (95%). Manakala bagi keberkesanan pengajaran yang disampaikan 95.7 peratus pelajar oleh guru-guru yang terlibat.


Mata pelajaran Matematik



Berdasarkan carta bar di atas, hampir keseluruhan pelajar iaitu 99.2 berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang digunakan dan manakala 97.3 mengatakan bahawa guru mata

pelajaran Matematik telah berjaya mengajar mereka dengan berkesan.

Mata pelajaran Sains




Bagi mata pelajaran Sains pula, 95.7 peratus pelajar merasakan kaedah pengajaran yang digunakan berkesan, manakala 93.9 peratus menyatakan bahawa guru Sains berjaya memahamkan mereka berkenaan mata pelajaran tersebut.

Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM)


Seramai 102 pelajar SPM terlibat dalam program ini. Bagi program pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM, 3 mata pelajaran efektif menjadi tumpuan program ini iaitu mata pelajaran Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan berdasarkan persepsi pelajar yang menyertai program ini

Mata pelajaran Kimia




Berdasarkan carta bar di atas, hampir keseluruhan pelajar iaitu 98.7 berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang digunakan dan manakala 97.4 mengatakan bahawa guru mata pelajaran Kimia telah berjaya mengajar mereka dengan berkesan.

Matapelajaran Biologi




Bagi mata pelajaran Biologi pula, 98.7 peratus pelajar merasakan kaedah pengajaran yang digunakan berkesan, manakala 97 peratus menyatakan bahawa guru Biologi berjaya memberikan kefahaman kepada mereka berkenaan mata pelajaran tersebut.

Mata pelajaran Matematik Tambahan



Bagi mata pelajaran Matematik Tambahan, carta bar di atas menunjukkan, majoriti pelajar berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang digunakan (98.7%) dan juga keberkesanan pengajaran yang diberikan (93.2%) oleh guru-guru yang terlibat.

Analisis Kemajuan Peserta Mendapat Gred 'A' Berdasarkan Keputusan Peperiksaan (PMR) Sebenar



Semasa Kem Score 'A' dijalankan, pihak sekretariat telah membuat kajian kepada

semua peserta berkaitan dengan jangkaan keputusan yang bakal diperoleh selepas mengikuti program ini. Analisis bagi jangkaan ini, pihak sekretariat telah bandingkan dengan keputusan sebenar dan keputusan peperiksaan percubaan yang diperoleh. Analisis ini melihat berapa ramai peserta yang memperoleh gred 'A' dalam 3 subjek yang difokuskan untuk program ini. Selepas dianalisis, berlaku peningkatan dalam 3 subjek tersebut

Jadual 7 – Perbandingan keputusan peperiksaan percubaan, sasaran dan sebenar

Subjek	Keputusan Percubaan	Keputusan Sebenar
Bahasa Inggeris	15.75%	61.2%
Matematik	46.66%	78.18%
Sains	46.66%	62.42%

Peningkatan yang mendadak terhadap keputusan percubaan kepada keputusan dalam peperiksaan sebenar memberikan gambaran program Didik Cemerlang membantu menyumbang kepada kenaikan peratus tersebut.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, berdasarkan kajian yang dilakukan ini dapatlah disimpulkan bahawa semua objektif penganjuran program ini telah tercapai dengan jayanya. Jika kita lihat hampir keseluruhan pelajar berpuas hati dengan perjalanan program ini. Dari sudut keberkesanan kemudahan-kemudahan yang disediakan sepanjang program ini berlangsung, dapat disimpulkan di sini 90 peratus pelajar berpuas hati dengan segala kemudahan yang disediakan seperti dewan kuliah, alatan bantu mengajar, makan dan komitmen urus setia. Berdasarkan peratusan ini pihak penganjur telah berjaya menganjurkan program ini dengan jayanya.

Malah kaedah pengajaran dan keberkesanan pengajaran yang digunakan berjaya mempersiapkan pelajar untuk menghadapi peperiksaan. Jika dilihat dari semua subjek yang diajar, purata 90 peratus ke atas pelajar-pelajar sangat berpuas hati dengan guru-guru yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Justeru itu, dari sudut pengajaran dan pembelajaran telah berjaya melaksanakan tugas dengan berkesan sepanjang program ini berlangsung. Oleh yang

demikian, program ini adalah dicadangkan agar diteruskan berdasarkan keputusan yang diperolehi.

Rujukan

1. Ahmad Fadzli Yusuf, Abd Razak Abd Muthalib, (2006) Resipi Kejayaan Untuk Remaja, PTS Litera Utama.
2. Hussein Ahmad. (2001). *Mandat UNESCO dan cabaran globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
3. Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud (2008) Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia [myais.fsktm.um.edu.my/7436/.../globalisasi_vol31_no1_\(91-101\).pdf](http://myais.fsktm.um.edu.my/7436/.../globalisasi_vol31_no1_(91-101).pdf) -
4. Johnson, D.W.; Maruyama, G; Johnson, R.T., Nelson, & Skon, L. (1981). Effects of Cooperative, Competitive and Individualistic Goal Structures on Achievement: A Meta Analysis: *Psychological Bulletin*. 89
5. Keputusan Penilaian Menengah Rendah Peringkat Negeri Perlis diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri Perlis.
6. Kertas Kerja Program pemerkasaan Pendidikan Pelajar-Pelajar Cemerlang negeri Perlis anjuran Universiti Malaysia Perlis.
7. Locke & Latham(1984), *Goal Setting In Personnel Management*, Science Research Associates (Chicago, IL)
8. Slavin, R.E. (1990). *Cooperative Learning: Theory, Research, and Practice*. Boston: Allyn and Bacon.